

Artikel

Rasa Selamat dan Kepuasan Masyarakat terhadap Perkhidmatan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) di Taman Perumahan Rakyat Sri Stulang, Johor Bahru
(Feeling Safe and Community Satisfaction with Motorcycle Patrol Unit Services (URB) Taman Perumahan Rakyat Sri Stulang, Johor Bahru)

Zaleha Salim¹ & Nur Hafizah Yusoff^{2,*}

¹Ibu Pejabat Polis Daerah, Polis Diraja Malaysia, Johor Bahru Utara, 81300 Skudai, Johor, Malaysia

²Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: nur_hafizah@ukm.edu.my

Diserah: 31 Februari 2023

Diterima: 21 Julai 2023

Abstrak: Unit Rondaan Bermotosikal (URB) merupakan satu pasukan unit rondaan polis yang menjalankan tugas kawalan dan pengawasan di kawasan taman, premis dan lingkungan kawasan untuk menjaga keselamatan dan pencegahan jenayah. URB juga merupakan barisan hadapan PDRM dalam rondaan cegah jenayah di lapangan dan merupakan elemen terpenting dalam memberi perkhidmatan yang segera mengikut masa yang ditetapkan. Artikel ini membincangkan berkaitan rasa selamat dan kepuasan masyarakat terhadap perkhidmatan dan peranan URB di kawasan Taman Perumahan Rakyat Sri Stulang, Johor Bahru Selatan. Tumpuan utama artikel ini adalah meneliti fungsi-fungsi dan tanggungjawab URB di Taman Perumahan Rakyat Sri Stulang dan mengenal pasti maklum balas dari komuniti setempat tentang kewujudan URB. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah soal selidik terhadap 361 responden. Pengumpulan data dan perisian yang digunakan dalam kajian adalah Statistical Package for Social Sciences (SPSS) dan data dipersembahkan secara perbandingan min, peratusan, tabulasi silang serta ujian korelasi Pearson. Hasil dapatan menunjukkan peranan utama URB berada pada aras sangat tinggi iaitu (4.23 min). Hasil kajian untuk rasa selamat bagi URB ini berada pada tahap sangat tinggi (4.32 min) dan rasa puas hati berada pada tahap tinggi (4.16 min). Kajian ini diharap dapat memberi implikasi yang baik dan memberi faedah kepada PDRM, khususnya bagi Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) yang menekankan objektif utamanya iaitu dalam merangka strategi, melaksanakan inisiatif-inisiatif dengan objektif untuk mengurangkan jenayah dan meningkatkan persepsi keselamatan. Kajian ini akan menambahbaik fungsi dan peranan seterusnya meningkatkan prestasi kerja yang lebih efektif.

Kata kunci: jenayah; kepolisan; masyarakat; rasa selamat; sosiologi

Abstract: The Motorcycle Patrol Unit (URB) is a group of police patrol units that performs control and surveillance duties in parks, buildings, and the neighbourhood to uphold safety and prevent crime. The most crucial component in offering prompt services in accordance with the scheduled time is URB, which is also the first line of defence for PDRM in crime prevention patrols in field. The community's sense of security and satisfaction with URB's services and role in the Sri Stulang People's Housing Park neighbourhood of Johor Bahru Selatan are discussed in this article. This article's major objective is to look at the duties and responsibilities of the URB in Sri Stulang Public Housing Park and to find out what the neighbourhood thinks of it. A questionnaire method and a quantitative approach are both used in the study of 361 participants. The Statistical Package for Social Sciences (SPSS) was used to collect the data and analyse it. The data are

presented as mean comparisons, percentages, cross tabulations, and Pearson's correlation tests. The outcomes demonstrate that URB's primary role is at a relatively high level (4.23 min). According to the study's findings, this URB's sensation of security is extremely high (4.32 min), and its sense of contentment is also very high (4.16 min). The Crime Prevention and Community Safety Department (JPJKK), which emphasises that its main goal is to formulate strategies and implement initiatives with the objective of reducing crime and improving perceptions of safety, is expected to benefit from this study and receive positive implications. In order to increase more effective work performance, this study will improve the function and role.

Keywords: crime; policing; society; self-concern; sociology

Pengenalan

Polis Diraja Malaysia adalah merupakan salah satu daripada cabang institusi keselamatan dalam negara selain daripada Angkatan Tentera Malaysia, Imigresen, Kastam dan lain-lain. Peranan pasukan polis sebagai penguatkuasa undang-undang telah bermula sejak zaman keagungan Rom dan China. PDRM sebagai pasukan pelaksana undang-undang serta memiliki bidang kuasa yang luas, mereka perlu memberikan imej yang baik kepada masyarakat supaya masyarakat lebih menghormati institusi ini dan percaya bahawa PDRM mampu menjaga keselamatan negara dan juga masyarakat khususnya. Dalam melaksanakan tugas mereka, PDRM perlu mengamalkan nilai-nilai integriti yang tinggi selain daripada menjauhi perkara-perkara yang boleh menjatuhkan kredibiliti PDRM sebagai golongan yang harus dihormati dan di geruni (Zurian Jayan, 2005). Sementara Baker dan Hunter (1994) telah mendefinisikan polis sebagai pegawai daripada badan organisasi yang menjaga keselamatan seseorang dan keselamatan harta benda dan juga mengawal lalulintas di jalan raya. (Bayley, 1975) pula mendefinisikan polis sebagai satu organisasi yang berpakaian seragam dalam memastikan kepatuhan undang-undang sesebuah negara dan masyarakat. Manakala dalam bahasa yang lebih difahami umum, polis didefinisikan sebagai satu pasukan keselamatan yang mengamalkan atau menjaga keamanan negara dan tatatertib awam, mencegah pelanggaran hukum dan lain-lain. Dengan kata lain, polis merupakan satu pasukan atau badan organisasi yang menjalankan tugas demi menjaga kedaulatan undang-undang, keselamatan rakyat, harta benda serta menjaga keamanan negara.

Dalam memastikan penugasan pencegahan jenayah dilaksanakan dengan lebih teratur dan sistematik, Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) telah ditubuhkan pada 9 Jun 2014. Objektif penubuhan adalah untuk memastikan strategi dan pendekatan secara proaktif dan bersepadu bagi mencegah jenayah daripada berlaku, menghapuskan peluang perlakuan jenayah, menghapuskan hasrat untuk melakukan jenayah dan menangani serta mengurangkan persepsi masyarakat kebimbangan jenayah. JPJKK mempunyai beberapa bahagian dan unit untuk menggerakkan tugas dan peranan dan mencapai objektif jabatan. Antaranya ialah Bahagian Pengurusan Dasar dan Sumber, Bahagian Koordinasi Sumber Sokongan terdiri dari Polis Bantuan (PB), Simpanan Sukarelawan Polis (SSP), SUKSIS dan Kor Kadet, Bahagian Kepolisan Komuniti, Bahagian Pendataan dan Bahagian Operasi Darat. Di dalam Bahagian Operasi Darat mempunyai beberapa unit lain antaranya Mobile Patrol Vehicle (MPV), Unit Rondaan Bermotosikal (URB), Bit Rondaan dan E-Sector.

Unit Rondaan Bermotosikal (URB) merupakan barisan hadapan PDRM (*front liner*) dalam rondaan pencegahan jenayah di lapangan dan merupakan elemen terpenting dalam memberikan perkhidmatan yang segera mengikut masa yang telah ditetapkan (*respon time*). Sistem rondaan yang dijalankan merupakan satu tugas yang berperanan untuk mencegah kegiatan jenayah yang dilakukan di sekitar kawasan setempat bertujuan untuk meningkatkan kehadiran polis dan kepolisan masyarakat. Ia juga berperanan sebagai penggerak utama "first responder" dalam konteks pencegahan jenayah serta sesuatu insiden atau maklumat awam yang diterima dari Bilik Gerakan (DCC/CCC) bagi setiap negeri. Melalui Program Transformasi Kerajaan - NKRA (GTP) (PEMANDU 2012) mengurangkan jenayah, telah mewujudkan penubuhan Cawangan URB yang telah dilancarkan oleh YAB Dato Sri Najib. Menunjukkan keseriusan kerajaan dalam pencegahan jenayah (RMK6). Di samping itu juga, dasar pengurangan jenayah dalam belanjawan 2013 yang

diumumkan pada 28/9/2012 memberi penekanan kepada aspek mengurangkan kadar jenayah dan mewujudkan kejiranan yang selamat.

Melalui pelaksanaan NKRA dalam mengurangkan jenayah iaitu pada akhir tahun 2009, kadar jenayah di seluruh negara menunjukkan penurunan mendadak bagi tempoh pelaksanaannya. Kejayaan terbesar dalam pengurangan jenayah dibuktikan melalui pengurangan sebanyak 15 peratus bagi indeks jenayah dan 35 peratus jenayah jalanan iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan pada tahun 2010 iaitu masing-masing sebanyak lima (5) peratus dan 20 peratus. Pada tahun 2009, sebanyak 209, 817 kes indeks jenayah dicatatkan dan berkurangan kepada 177,520 kes pada tahun 2010 dengan kadar pengurangan sebanyak 32,297 kes atau 15 peratus. Jenayah jalanan pula mengalami penurunan sebanyak 35 peratus bagi tempoh yang sama, iaitu pada 2009 sebanyak 38,030 kes jenayah jalanan dicatatkan telah berkurangan kepada 24, 837 kes dengan kadar pengurangan kes sebanyak 13,193 kes (Kementerian Dalam Negeri, 2011; Government Transformation Programme, 2011). mengurangkan jenayah. Jawatankuasa Penilaian Antarabangsa atau International Panel Review (IPR) yang dilantik berhubung pencapaian GTP 2011, menjelaskan bahawa kadar jenayah nyata telah berkurang dengan ketara dan terus berkurang serta mengakui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS) telah membolehkan Malaysia mencapai hasil yang membanggakan dalam mengurangkan jenayah dengan ketara pada kadar 15 peratus dan 11 peratus dalam tempoh pelaksanaan NKRA (Kementerian Dalam Negeri, 2012). Justeru itu, artikel ini ingin membincangkan mengenai rasa selamat dan kepuasan masyarakat setempat terhadap kewujudan dan peranan URB terutamanya dalam menjaga keselamatan awam di kawasan kajian.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengumpulkan data daripada responden kajian. Borang soal selidik yang mempunyai tiga bahagian telah dibangunkan dan diedarkan di lapangan. Unit analisis kajian ini adalah seramai 361 responden responden yang terdiri daripada penduduk di kawasan Taman Perumahan Rakyat Sri Stulang, Johor Bahru Selatan. Para responden ini terdiri dari pelbagai peringkat usia, pekerjaan, taraf perkahwinan dan taraf pendidikan yang berbeza. Ini adalah bagi memastikan adanya darjah keperwakilan yang tinggi dalam kajian. Pengkaji menetapkan sejumlah 361 orang responden sebagai sampel kajian dengan menggunakan kaedah Sampel Krajie Morgan (1970) yang mewakili populasi 100,000 orang. Data yang diperoleh diproses dan dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) dan dipersembahkan secara perbandingan min, peratusan, tabulasi silang serta ujian korelasi Pearson.

Hasil dan Perbincangan

1. Profil Sosiodemografi Responden

Hasil kajian yang diperoleh bagi bahagian sosiodemografi responden mendapati sebanyak 63% responden adalah responden lelaki dan selebihnya adalah responden wanita. Daripada sejumlah 361 orang responden, sebanyak 57.4% berusia sekitar 19 sehingga 40 tahun. Manakala sebanyak 42.6% berusia 40 tahun dan ke atas. Sebanyak 77.6% responden telah berkahwin, diikuti oleh sebanyak 19.1% masih bujang dan selebihnya adalah telah bercerai. Situasi ini menunjukkan bahawa majoriti komuniti di Taman Sri Stulang adalah berkeluarga dan isu keselamatan ahli keluarga juga merupakan antara isu utama di kawasan terbabit. Dari segi jenis pekerjaan pula, sebanyak 68.4% responden bekerja di sektor kerajaan, 15.8% di sektor swasta, 13.3% bekerja sendiri dan selebihnya masih memegang status sebagai pelajar. Jika dilihat daripada taburan jenis pekerjaan boleh dikatakan bahawa kebanyakan responden bekerja dalam lingkungan 8 pagi sehingga 5 petang dan pada masa mereka berada di tempat kerja, keselamatan ahli keluarga yang berada di rumah serta harta benda perlu ada pihak bertanggungjawab yang memantau.

2. Pengetahuan Masyarakat Terhadap Peranan URB

Unit Rondaan Bermotosikal (URB), merupakan satu pasukan unit rondaan yang menjalankan tugas kawalan dan pengawasan di kawasan-kawasan taman, premis dan lingkungan kawasan untuk menjaga keselamatan dan pencegahan jenayah. Bagi melaksanakan tanggungjawab dan penugasan tersebut, Perintah Tetap Ketua Polis

Negara (PTKPN) telah menggariskan beberapa arahan dan panduan dalam pelaksanaan tugas. Perintah Tetap ini adalah sebagai garis panduan pelaksanaan dan tatacara serta fungsi URB. Antara dua peranan utama URB adalah (i) menjalankan tugas rondaan bagi mewujudkan kehadiran polis (*police omnipresence*) seterusnya berperanan melaksanakan tugas sebagai *first responder* dan pencegahan jenayah serta melaksanakan program *community policing*; dan (ii) melaksanakan Konsep 4P (Protective, Performance and Outcome Oriented, Proactive, People Oriented) sebagai Dasar Transformasi kepada perspektif budaya kerja Patrolmen URB bagi mencapai dan meningkatkan mutu perkhidmatan PDRM. Jadual 1 menunjukkan analisis mengenai persepsi masyarakat setempat terhadap peranan URB.

Berdasarkan Jadual 1, hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan purata min bagi peranan utama URB adalah bernilai 4.23 min. Sebanyak 84.56% responden dengan aras persetujuan sangat bersetuju bahawa URB memainkan peranan yang sangat penting dalam komuniti masyarakat. Hal ini bersesuaian dengan peranan sebenar URB PDRM iaitu menjalankan tugas rondaan bagi mewujudkan kehadiran polis (*police omnipresence*) seterusnya berperanan melaksanakan tugas sebagai *first responder* dan pencegahan jenayah serta melaksanakan program *community policing*.

Item soalan sembilan telah menunjukkan nilai paling minimum iaitu bernilai 3.39 min, di mana sebanyak 67.80% responden dengan aras persetujuan bersetuju bahawa pihak URB PDRM berperanan dalam menyita binatang-binatang yang berkeliaran dan menempatkannya dalam kandang awam dalam menjaga kesejahteraan penduduk perumahan setempat. Manakala, nilai maksimum telah ditunjukkan pada item soalan satu di mana sebanyak 92.20% responden sangat bersetuju bahawa PDRM berperanan berusaha keras untuk mengekalkan hubungan baik dengan masyarakat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa URB dalam PDRM memainkan peranan yang penting di mana dengan adanya program-program ini dapat mampu meningkatkan keberkesanan komuniti antara pihak polis URB dan komuniti masyarakat setempat.

Bagi item kedua menunjukkan hasil dapatan kajian daripada 361 responden atau 88.40% (4.42min) responden sangat bersetuju bahawa kakitangan PDRM menjalankan tugas dengan baik dalam menguatkuasakan undang-undang kerana PDRM menyedari bahawa tugas dan tanggungjawab utama mereka adalah untuk menjaga keamanan dan keselamatan penduduk setempat daripada segala bahaya dan ancaman yang boleh meragut nyawa masyarakat. Item soalan ke-tiga menjelaskan bahawa 84.60% (4.23 min) responden sangat bersetuju bahawa PDRM bertanggungjawab atas sebarang salah laku yang menyebabkan sebarang perkara yang tidak diinginkan.

Sebanyak 88.20% (4.41 min) menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju pihak URB PDRM melayan penduduk yang berlainan kaum/etnik sama rata. Hal ini dapat dijelaskan bahawa pihak PDRM tidak mengamalkan sebarang diskriminasi perkauman dalam menjalankan tugas mereka sebagai penjawat awam dan seharusnya dicontohi oleh masyarakat sekeliling. Item soalan lima menerangkan pihak URB PDRM berperanan dalam memproses risikan keselamatan terhadap kawasan perumahan. Hasil dapatan kajian menunjukkan 87.0% (4.35 min) responden sangat bersetuju tentang pemyitaan tersebut kerana pihak PDRM perlu sentiasa bersedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan ancaman yang akan berlaku di kawasan perumahan tersebut. Sebanyak 80.0% (4.00min) responden sangat bersetuju bahawa pihak URB PDRM berperanan dalam melaksanakan saman, sapina, waran, perintah memenjara dan proses-proses lain yang dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana pihak berkuasa yang kompeten.

Item soalan tujuh menjelaskan pihak URB PDRM berperanan dalam mempamerkan maklumat berkaitan keselamatan terhadap komuniti perumahan setempat. Hasil dapatan kajian menunjukkan 87.60% dengan nilai min sebanyak (4.38 min) responden bersetuju bahawa tindakan tersebut penting dalam memberikan sebarang info kepada komuniti perumahan berkaitan isu semasa perumahan dan keadaan situasi semasa yang berlaku di kawasan perumahan tersebut. 75.20% (3.76 min) responden bersetuju bahawa masyarakat akan bahawa pihak URB PDRM berperanan dalam melindungi harta yang tidak dituntut/hilang dan mencari pemunya. Item soalan sepuluh menjelaskan 88.20% (4.41 min) responden sangat bersetuju bahawa pihak URB PDRM berperanan dalam memberi bantuan dalam melindungi nyawa dan harta penduduk setempat. Item soalan 11 menunjukkan 91.00% (4.52 min) responden sangat bersetuju bahawa pihak URB PDRM berperanan dalam membuat rondaan menjaga ketenteraman penduduk kawasan perumahan dalam menjaga keselamatan tidak

mengira masa. Jelas menunjukkan bahawa PDRM berperanan penting dalam menjaga keamanan dan keselamatan masyarakat setempat daripada sebarang ancaman dan bahaya.

Secara keseluruhannya kajian di bahagian ini menunjukkan peranan dan tugas-tugas yang dilaksanakan oleh URB PDRM dalam usaha mencegah jenayah dan menjaga keselamatan komuniti setempat. Melalui pelaksanaan ini URB menjalankan tugas dengan mengikut segala prosedur dan peruntukan undang-undang yang tersedia. Ini adalah selari dengan Visi dan Misi PDRM. Visi PDRM menjelaskan bahawa peneraju keselamatan bagi mengekalkan Malaysia selamat dan aman. Untuk mengekalkan keadaan negara yang selamat dan aman dengan melaksanakan program-program dan usaha pencegahan jenayah bersama masyarakat. Sementara Misi PDRM pula memberikan perkhidmatan yang profesional, berkualiti dan berintegriti ke arah keselamatan dan ketenteraman awam. (*rmp.gov.my*). Dalam melaksanakan perkhidmatan kepada negara dan masyarakat. Moto PDRM mengekalkan Polis dan Masyarakat berpisah tiada telah. Ini menunjukkan bahawa URB PDRM dan masyarakat saling berhubungan dalam usaha mencegah jenayah dan menjaga keselamatan negara. Dinyatakan dalam Seksyen 3(3) Akta Polis 1967, iaitu Pengesanan dan pencegahan jenayah. Di mana peranan PDRM dilaksanakan di dalam dua pendekatan iaitu pendekatan reaktif dan proaktif. (Halal & Muzium Polis DiRaja Malaysia, 2004).

Jadual 1. Peranan URB menurut masyarakat setempat

No	Peranan Utama URB	Peratusan	Min	S.Piawai	Interprestasi Min
1	PDRM berperanan berusaha keras untuk mengekalkan hubungan baik dengan masyarakat	92.20	4.61	0.69	Sangat Tinggi
2	Kakitangan PDRM menjalankan tugas dengan baik dalam menguatkuasakan undang-undang	88.40	4.42	0.75	Sangat Tinggi
3	PDRM bertanggungjawab atas sebarang salah laku	84.60	4.23	0.96	Sangat Tinggi
4	Pihak URB PDRM melayan penduduk yang berlainan kaum/etnik sama rata	88.20	4.41	0.85	Sangat Tinggi
5	Pihak URB PDRM berperanan dalam memproses risikan keselamatan terhadap kawasan perumahan	87.00	4.35	0.79	Sangat Tinggi
6	Pihak URB PDRM berperanan dalam melaksanakan saman, sapina, waran, perintah memenjara dan proses-proses lain yang dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana pihak berkuasa yang kompeten	80.00	4.00	1.05	Tinggi
7	Pihak URB PDRM berperanan dalam mempamerkan maklumat berkaitan keselamatan terhadap komuniti perumahan setempat	87.60	4.38	0.75	Sangat Tinggi
8	Pihak URB PDRM berperanan dalam melindungi harta yang tidak dituntut/hilang dan mencari pemunya	75.20	3.76	1.19	Tinggi
9	Pihak URB PDRM berperanan dalam menyita binatang-binatang yang berkeliaran dan menempatkannya dalam kandang awam dalam menjaga kesejahteraan penduduk perumahan setempat	67.80	3.39	1.33	Tinggi
10	Pihak URB PDRM berperanan dalam memberi bantuan dalam melindungi nyawa dan harta penduduk setempat	88.20	4.41	0.78	Sangat Tinggi
11	Pihak URB PDRM berperanan dalam membuat rondaan menjaga ketenteraman penduduk kawasan perumahan dalam menjaga keselamatan tidak mengira masa	91.00	4.52	0.73	Sangat Tinggi
Purata		84.56	4.23	0.90	Sangat Tinggi

3. Maklum Balas Masyarakat Setempat Terhadap Keberkesanan URB

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif *crossstab* (tabulasi silang) antara kumpulan pekerjaan terhadap rasa selamat di Taman Perumahan Rakyat Sri Stulang, Johor Selatan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 247 responden daripada pekerja kerajaan cenderung terhadap rasa selamat berbanding kumpulan pekerjaan

lain seperti bekerja sendiri, swasta dan pelajar. Pekerja Kerajaan atau kakitangan kerajaan merupakan orang yang memberi perkhidmatannya kepada Pentadbiran Awam yang mendapat imbuhan. Hubungan yang wujud antara pegawai awam dan pentadbiran adalah berkanun dan bersifat buruh. URB merupakan satu unit dan cabang PDRM yang merupakan badan kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang merupakan sebuah badan kerajaan. Golongan ini percaya dengan PDRM yang bertindak sebagai penguatkuasa dan melaksanakan tugas mengikut undang-undang dan Akta Polis 1967. Di samping itu kumpulan pekerja kerajaan ini mempunyai komitmen yang lebih dalam urusan pekerjaan, di mana memerlukan mereka untuk berada di luar kawasan rumah atau luar kawasan dalam jangka masa yang.

Jadual 2. Rasa selamat * Pekerjaan Crosstabulation

	Pekerjaan				Total
	Bekerja Sendiri	Kerajaan	Swasta	Pelajar	
C_Rasa_selamat	48	247	57	9	351

Jadual 3 memaparkan hasil *Chi-square test* menunjukkan nilai signifikan *p-value* bernilai 0.00 (>0.05), hal ini menjelaskan bahawa terdapat perbezaan di antara kumpulan pekerjaan terhadap rasa selamat masyarakat kawasan Taman Perumahan Rakyat Sri Stulang, Johor Selatan. Pemilihan kumpulan pekerjaan itu dilihat lebih berkepentingan dan sesuai untuk menjelaskan lagi kepentingan kajian ini. Kumpulan pekerjaan ini adalah merasakan keperluan pihak polis terutamanya URB untuk menjalankan rondaan di kawasan perumahan kerana mereka mempunyai komitmen kerja lain, tugas syif dan mereka tidak mempunyai banyak masa untuk sentiasa berada di rumah.

Di samping itu, antara sebab lain mengapa pekerja kerajaan memberi sepenuh kepercayaan kepada PDRM, khasnya URB dalam usaha mencegah jenayah yang berlaku kerana mereka percaya bahawa perkhidmatan yang diberikan PDRM merupakan satu tugas dan amarah mengikut undang undang, bukan berorientasikan kepada ekonomi. Perbeza dengan pandangan kumpulan pekerja selain dari pekerja kerajaan ini yang lebih suka mengupah pengawal keselamatan atau pemasangan CCTV untuk menjaga keselamatan di kawasan tersebut. URB amat diperlukan bagi menjaga keamanan serta keselamatan komuniti masyarakat setempat. Kehadiran URB mampu menzahirkan rasa selamat dan mengurangkan rasa ketakutan komuniti daripada kejadian yang tidak diingini. Walklate (2007) menyatakan bahawa pertumbuhan sensitiviti ketakutan terhadap jenayah adalah selari dengan pertumbuhan sensitiviti kepada mangsa jenayah secara umum.

Jadual 3. Jadual Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	163.998 ^a	78	.000
Likelihood Ratio	98.223	78	.061
Linear-by-Linear Association	.000	1	.990
N of Valid Cases	351		

92 cells (85.2%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .03.

Secara keseluruhannya berdasarkan Jadual 4, purata min bagi bahagian ini adalah bernilai 4.32 min iaitu 86.32% menjelaskan dengan aras persetujuan bersetuju bahawa aspek rasa selamat penting untuk mengenal pasti keberkesanan mencegah jenayah dalam komuniti setempat. Merenda et al (2021) turut menyokong bahawa kehadiran URB mampu membanteras jenayah dalam menjaga keselamatan masyarakat setempat. Nilai paling minimum telah ditunjukkan pada item soalan 10 iaitu bernilai 3.85 min, dengan aras persetujuan bersetuju. Sebanyak 77.00% bersetuju bahawa pihak PDRM mempunyai kekuatan Polis yang mencukupi dalam membuat rondaan di kawasan perumahan. Manakala nilai paling maksimum telah ditunjukkan pada item soalan 6 dengan nilai 4.62 min, iaitu sebanyak 92.40% responden menyokong dengan

mempunyai pengawasan video 24/7 di tempat awam dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan dalam komuniti setempat.

Item soalan satu menunjukkan keterlihatan polis URB di kawasan kejiranan menunjukkan 85.2% (4.26 min) responden sangat bersetuju bahawa ianya sangat penting dalam melahirkan rasa selamat masyarakat setempat terhadap URB dalam komuniti tersebut. Apabila melihat kewujudan polis URB di kawasan mereka akan merasakan diri mereka selamat dan terjamin daripada sebarang ancaman dan bahaya yang akan berlaku. Di samping itu, 85.40% responden turut bersetuju bahawa apabila keterlihatan polis URB di kawasan komersial terutamanya di kawasan yang berisiko diancam dan menjadi target rompakan dan samun. Hal ini kerana, pihak premis tidak meragui apabila mereka menjalankan perniagaan yang berisiko tinggi semasa berniaga dengan adanya pihak polis URB menjalankan pemantauan di sekitar premis perniagaan mereka.

Item soalan tiga menjelaskan bahawa 84.80% (4.24 min) responden sangat bersetuju bahawa mereka merasakan betapa cepat polis bertindak balas terhadap hal kecemasan. Ini menunjukkan bahawa pihak polis URB bertindak cekap dalam menjalankan tugas mereka dan bersikap proaktif dalam mengambil tindakan pantas dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Item soalan empat menjelaskan bahawa 90.40% (4.52 min) responden sangat bersetuju bahawa pihak URB PDRM berusaha mencegah jenayah. Hal ini demikian, ianya sudah menjadi satu tanggungjawab pihak polis URB dalam menjaga keamanan dan mencegah jenayah sekaligus memberikan rasa selamat kepada masyarakat dengan adanya URB PDRM.

Oleh itu, item soalan lima menunjukkan bahawa 88.0% (4.40 min) responden sangat bersetuju bahawa usaha untuk bekerjasama dengan orang ramai untuk menangani kebimbangan mereka. Kebimbangan dalam kajian ini adalah bermaksud kerisauan masyarakat terhadap kejadian-kejadian jenayah yang berlaku seperti pecah rumah, kecurian, kerosakan harta benda dan gangguan. Jika sekiranya polis dan masyarakat saling bekerjasama terutamanya dalam menyalurkan maklumat dan sebagainya sudah pasti kejadian jenayah dapat di cegah. Hal ini dapat meningkatkan lagi rasa selamat masyarakat terhadap pihak polis URB di kawasan perumahan mereka. Item soalan 7 menunjukkan 84.40% (4.22 min) responden merasakan sangat setuju bahawa merasakan selamat di kediaman saya sepanjang 12 bulan yang lalu. Hasil dapatan kajian ini dapat dijelaskan bahawa pihak polis URB ini telah lama menjalankan penugasan mereka dalam meronda kawasan perumahan dan bersikap konsisten dalam menjalankan tugas mereka tidak mengira waktu dan masa.

Rasa selamat ini juga dapat dizahirkan apabila masyarakat akan melaporkan semua jenayah kepada pihak polis dalam memastikan kediaman dan premis mereka berada dalam keadaan selamat. Hasil dapatan menunjukkan 85.0% responden sangat bersetuju dengan kenyataan ini dan dijelaskan bahawa masyarakat menaruh 100% kepercayaan kepada pihak polis URB tentang perkara yang mencurigakan berlaku disekitar perumahan dan premis mereka. Hal ini selaras dengan kajian Walklate (2007) menyatakan bahawa pertumbuhan sensitiviti ketakutan terhadap jenayah adalah selari dengan pertumbuhan sensitiviti kepada mangsa jenayah secara umum. Oleh itu, maka lahirlah rasa percaya masyarakat terhadap pihak polis URB dalam menjamin keselamatan mereka terutamanya di kediaman mereka.

Item soalan sembilan menunjukkan 85.0% (4.25 min) responden sangat setuju bahawa merasakan kediaman perumahan saya selamat dalam 12 bulan yang lalu. Hal ini kerana, mereka tidak perlu risau untuk meninggalkan kediaman mereka untuk jangka masa yang lama seperti balik kampung, bercuti dan sebagainya dengan adanya pihak polis URB PDRM berperanan untuk meronda di sekitar kawasan perumahan mereka daripada sebarang kecurian dan keingin yang tidak diinginkan. Ini selaras dengan kajian oleh Warr (1994) mendapati tindak balas yang paling biasa kepada perasaan takut terhadap jenayah di Amerika Syarikat adalah dengan mengelakkan atau menjauhi tempat yang dilihat berbahaya.

Jadual 4. Purata Min Rasa Selamat

No	Rasa Selamat	Peratusan	Min	S. Piawai	Interprestasi min
1	Keterlihatan polis URB di kawasan kejiranan.	85.20	4.26	0.93	Sangat Tinggi
2	Keterlihatan polis URB di kawasan komersial.	85.40	4.27	0.87	Sangat Tinggi
3	Betapa cepat polis bertindak balas terhadap kecemasan	84.80	4.24	0.86	Sangat Tinggi
4	Pihak URB PDRM berusaha mencegah jenayah.	90.40	4.52	0.70	Sangat Tinggi
5	Usaha untuk bekerjasama dengan orang ramai untuk menanganai kebimbangan mereka.	88.00	4.40	0.79	Sangat Tinggi
6	Saya menyokong dengan mempunyai pengawasan video 24/7 di tempat awam dalam meningkatkan lagi tahap keselamatan.	92.40	4.62	0.70	Sangat Tinggi
7	Saya merasakan selamat di kediaman saya sepanjang 12 bulan yang lalu.	84.40	4.22	0.90	Sangat Tinggi
8	Saya akan melaporkan semua jenayah kepada polis.	90.60	4.53	0.70	Sangat Tinggi
9	Saya merasakan kediaman perumahan saya selamat dalam 12 bulan yang lalu.	85.00	4.25	0.86	Sangat Tinggi
10	Saya merasakan pihak PDRM mempunyai kekuatan Polis yang mencukupi dalam membuat rondaan dikawasan perumahan saya	77.00	3.85	1.15	Tinggi
Purata		86.32	4.32	0.85	Sangat Tinggi

4. Persepsi Masyarakat Setempat terhadap Keberkesanan URB

URB adalah merupakan salah satu inisiatif PDRM dalam menjaga keselamatan komuniti dan masyarakat setempat. Oleh yang demikian, bagi melihat samada perkhidmatan URB berkesan atau tidak maka hanya masyarakat setempat dapat menilainya (Jadual 5).

Hasil dapatan kajian secara keseluruhan berdasarkan Jadual menunjukkan purata min bahagian ini adalah bernilai 4.21 min. Sebanyak 84.24% responden bersetuju bahawa keberkesanan URB PDRM adalah penting bagi mencegah jenayah dalam komuniti setempat. Keberkesanan unit URB PDRM ini akan sentiasa dikaji dan dipantau dari masa ke masa. Laporan penugasan secara mingguan dan bulanan akan dikompilasikan bagi tujuan pemantauan bagi meningkatkan lagi keberkesanan mencegah jenayah dalam komuniti setempat. Berdasarkan sepuluh soalan yang diukur dalam soal selidik ini, nilai minimum telah ditunjukkan pada item soalan sepuluh iaitu bernilai 3.76 min. Sebanyak 75.20% bersetuju bahawa pegawai polis URB PDRM menghalang orang daripada kumpulan kaum atau etnik tertentu kerana mereka percaya bahawa kumpulan ini lebih berkemungkinan daripada yang lain melakukan jenis jenayah tertentu. Jelas di sini menunjukkan bahawa URB PDRM juga berfungsi sebagai *Mobile Information Centre* yang melaksanakan tugas *engagement* kepada masyarakat.

Manakala, nilai maksimum telah ditunjukkan pada item soalan satu iaitu bernilai 4.42 min. Sebanyak 88.40% responden yakin dengan keupayaan URB PDRM di kawasan komuniti setempat untuk meminimumkan jenayah kekerasan. Hasil daripada dapatan kajian ini jelas menunjukkan keberkesanan URB PDRM dalam mencegah jenayah dalam komuniti Taman Perumahan Rakyat Sri Stulang, Johor Bahru Selatan. Soalan dua menunjukkan 87.0% responden sangat bersetuju bahawa pihak URB PDRM menggunakan pertimbangan yang baik dalam menggunakan kekerasan. Ini menunjukkan pihak polis menyantuni masyarakat dan bersikap positif dalam menjalankan penugasan kerja mereka. Pihak polis URB PDRM mempunyai latihan yang sesuai tentang cara mengendalikan konfrontasi dengan orang awam ditunjukkan pada item soalan tiga iaitu 86.20% (4.31 min) aras persetujuan sangat setuju oleh masyarakat. Pihak polis sebenarnya mempunyai tahap integriti dan profesional yang tinggi dalam menjalankan tugas mereka serta mengawal sebarang keadaan daripada perkara yang tidak diingini.

Item soalan empat menunjukkan bahawa 83.80% (4.19 min) bersetuju betapa mudahnya mereka dihubungi dalam membuat sebarang aduan. Item soalan lima menunjukkan 86.00% (4.30 min) responden sangat bersetuju bahawa ihsan pekerja terhadap tugas yang dijalankan sangat baik oleh pihak polis URB terhadap masyarakat. Ketepatan maklumat dan bantuan yang saya berikan memudahkan urusan pihak polis dalam menjalankan tugas ditunjukkan pada item soalan enam iaitu 87.80% (4.39 min) responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Item soalan tujuh menunjukkan 80.60% (4.03 min) responden bersetuju bahawa masa yang diambil untuk mengendalikan kes sangat cepat. Ketersediaan maklumat tentang program dan perkhidmatan Polis memudahkan urusan saya ditunjukkan pada item soalan lapan iaitu 85.00% (4.25 min) responden sangat bersetuju. Pada item soalan sembilan menunjukkan 82.40% (4.12 min) responden bersetuju bahawa usaha polis untuk memaklumkan anda tentang isu tempatan. Anggota polis yang mempunyai maklumat dan bersedia untuk sebarang kemungkinan di lapangan menyebabkan tahap kepercayaan masyarakat setempat terhadap perkhidmatan kepolisan semakin meningkat (Webb & Chris, 1995). Rasa percaya masyarakat terhadap polis wajar dipertingkatkan agar masyarakat sentiasa menganggap polis sentiasa ada dan sedia berkhidmat demi keselamatan awam.

Jadual 5. Min Keberkesanan URB

No	Keberkesanan URB	Peratusan	Min	S. Piawai	Interprestasi Min
1	Saya yakin dengan keupayaan URB PDRM di kawasan saya untuk meminimumkan jenayah kekerasan	88.40	4.42	0.75	Sangat Tinggi
2	Pihak polis URB PDRM menggunakan pertimbangan yang baik dalam menggunakan kekerasan	87.00	4.35	0.77	Sangat Tinggi
3	Pihak polis URB PDRM mempunyai latihan yang sesuai tentang cara mengendalikan konfrontasi dengan orang awam	86.20	4.31	0.80	Sangat Tinggi
4	Betapa mudahnya mereka dihubungi dalam membuat sebarang aduan	83.80	4.19	0.89	Tinggi
5	Ihsan pekerja terhadap tugas yang dijalankan sangat baik	86.00	4.30	0.76	Sangat Tinggi
6	Ketepatan maklumat dan bantuan yang saya berikan memudahkan urusan pihak polis dalam menjalankan tugas	87.80	4.39	0.73	Sangat Tinggi
7	Masa yang diambil untuk mengendalikan kes sangat cepat	80.60	4.03	0.95	Tinggi
8	Ketersediaan maklumat tentang program dan perkhidmatan Polis memudahkan urusan saya	85.00	4.25	0.77	Sangat Tinggi
9	Usaha polis untuk memaklumkan anda tentang isu tempatan	82.40	4.12	0.90	Tinggi
10	Adakah pegawai polis URB PDRM menghalang orang daripada kumpulan kaum atau etnik tertentu kerana mereka percaya bahawa kumpulan ini lebih berkemungkinan daripada yang lain melakukan jenis jenayah tertentu	75.20	3.76	1.17	Tinggi
Purata		84.24	4.21	0.85	Tinggi

Kesimpulan

“Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada” merupakan Moto PDRM yang menggambarkan ikatan hubungan kerjasama antara polis dengan masyarakat. Ini menunjukkan bahawa polis amat memerlukan sokongan dan maklumat dari masyarakat untuk membendung kejadian jenayah. Begitu juga sebaliknya bagi masyarakat amat memerlukan polis yang merupakan sebuah badan penguatkuasa untuk menjaga keamanan negara, membentaras dan mengekang perlakuan jenayah. Oleh itu, bagi menampakkan bahawa polis sentiasa bersedia membantu masyarakat, URB diwujudkan dengan memberi fokus kepada menjaga keamanan di komuniti setempat. operasi rondaan polis juga merangkumi pelbagai aktiviti yang pada mulanya akan mengenal pasti kawasan jenayah dan menyediakan kehadiran polis secara fizikal di lokasi. Dengan kehadiran polis di kawasan

penempatan akan menimbulkan rasa selamat di kalangan masyarakat. Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan data yang diperoleh adalah masyarakat setempat mengetahui akan kewujudan URB dan memahami fungsi dan peranan URB dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat setempat. 'Visibility' yang ditonjolkan oleh pihak PDRM melalui unit URB meningkatkan rasa selamat dalam kalangan masyarakat setempat dan URB seharusnya lebih diperbanyakkan di semua kawasan kerana pada masa kini jenayah berpotensi berlaku di mana-mana kawasan sahaja.

Penghargaan: Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan artikel ini.

Rujukan

- Bailey, K. (2008). *Methods of social research*. (4th ed.). The Free Press.
- Barker, T., & Hunter, R. (1994). *Police system and practices: An introduction*. Routledge.
- Liezelle, K. (2021). Perceptions and lived realities of women police officers in UN Peace Operations. *International Peace Journal*, 2, 1-12.
- Mathura, M. (2022). Exploring citizens perception of the police role and function in a post-colonial nation. *Social Sciences*, 11, 465. <https://doi.org/10.3390/socsci11100465>
- Mars, J. (1998). Deadly force and the rule of law: The Guyana example. *Policing. An International Journal of Police Strategies & Management*, 21, 465–78. <https://doi.org/10.1108/13639519810228769>
- Merenda, F., Jason, T., Carol, R. R., & Molly, B. (2021). Understanding citizen satisfaction with the police: Results from a community survey. *Police Practice and Research*, 22, 692–710. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1080/15614263.2020.1772784>
- Rotimi, L., & Ikuteyijo, K. (2012). 'Community partnership in policing: The Nigeria Experience'. *Police Journal*, 85(2), 123-132. <https://doi.org/10.1350/pojo.2012.85.2.549>
- Walklate, S. (2006) 'Community safety and victims: Who is the victim of community safety?' In S. Peter (Ed.) *Community safety: Critical perspectives on policy and practice*. The Policy Press.
- Webb, V. J., & Chris, E. M. (1995). The relative importance of race and ethnicity on individual attitudes towards the police. *American Journal of Police*, 14(2), 45–66. <https://doi.org/10.1108/07358549510102749>
- Worden, R. E., & Sarah J. M. (2017). *Police legitimacy. In mirage of police reform: Procedural justice and police legitimacy*. University of California Press.
- Zuria. J. (2005). *Faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan program latihan etika dan pengurusan integriti di kalangan Constable di PULAPOL, Kuching* [Final Year Project Report].